

Ruj. Kami : AUDIT/AAN(02)147/491/164(2)
Tarikh : 1 Februari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PENCALONAN PESERTA BAGI MENGIKUTI KURSUS ASAS JURUAUDIT DALAM SIRI 1 PADA 27 HINGGA 29 FEBRUARI 2024

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) melalui Akademi Audit Negara (AAN) akan mengadakan kerjasama latihan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi **Juruaudit bukan lantikan kader JAN** di Unit Audit Dalam Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi terhadap kefahaman dan pengetahuan berkaitan pengauditan.
3. Sehubungan itu, AAN merancang untuk melaksanakan 2 siri Kursus Asas Juruaudit Dalam pada tahun 2024. Siri pertama Kursus Asas Juruaudit Dalam akan dijalankan **pada 27 hingga 29 Februari 2024**. Jumlah peserta yang terlibat adalah seramai 70 orang. Tentatif kursus adalah seperti di **Lampiran B**.
4. Objektif kursus ini adalah untuk:
 - i. Memberi pendedahan berkaitan struktur JAN, AAN serta tugas dan tanggungjawab pegawai UAD;
 - ii. Memberi pendedahan berkaitan pengauditan prestasi, ICT, penyata kewangan, pematuhan serta pengurusan kewangan;
 - iii. Meningkatkan kefahaman peserta tentang persembahan dan pelaporan penyata kewangan; dan
 - iv. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta mengenai asas penting dalam pengauditan serta kaedah penulisan laporan audit yang baik.
5. Untuk makluman pihak YBhg. Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan, kadar bayaran kursus adalah seperti di **Lampiran C. Peserta perlu membuat pembayaran dengan mengemukakan Pesanan Kerajaan (LO) selewatnya pada hari pertama kursus.**

6. Sukacita saya memohon kerjasama YBhg. Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk mengemukakan **pencalonan** dengan melengkapkan maklumat peserta kursus yang dicalonkan seperti di **Lampiran D**. Borang tersebut perlu dikemukakan kepada urus setia melalui pautan <https://forms.gle/Jpa6zjBfsiaSBEMSA> atau mengimbas Kod QR berikut **sebelum atau pada 14 Februari 2024 (Rabu)**.



7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pegawai saya, Encik Azmi bin Mat (azmi.mat@audit.gov.my) di talian 06-7916900 / 019-4414284, Puan Rashidah binti Abdullah (shidahabdullah@audit.gov.my) di talian 06-7916900/ 017-2348598 atau Encik Mohd Zahidi bin Ismail (zahidi@audit.gov.my) di talian 06-7916900 / 011-28008890.

Kerjasama dan sokongan pihak YBhg. Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam menjayakan kursus ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti’

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Baridatul Anita Binti Bidin', written over a horizontal line.

(BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN)

Pengarah

Akademi Audit Negara